

# Imbuan guru simpanan dikaji

BH-12/2/2007  
**K**UALA TERENGGANU: Kementerian Pelajaran akan mengkaji dan menilai semula syarat dan imbuan kepada guru simpanan bagi memastikan lebih ramai pesara mendaftar sebagai guru simpanan bagi mengatasi kekurangan guru di sekolah.

Timbalan Menteri, Datuk Noh Omar, berkata skim itu diwujudkan membantu dan menggantikan guru yang perlu keluar dari sekolah untuk tempoh tertentu kerana menghadiri kursus, seminar atau membabitkan kerja luar.

Bagaimanapun, katanya, sambutan guru terhadap skim itu kurang menggalakkan sehingga ada Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) langsung tidak mempunyai senarai guru simpanan.

"Kumpulan guru simpanan sangat diperlukan tetapi yang memohon untuk menyertainya amat kurang kerana masih ada PPD langsung tidak mempunyai senarai guru simpanan," katanya kepada pemberita selepas menutup Konvensyen Pendidikan 2007 anjuran Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia (Terengganu) di Wisma Darul Iman, di sini semalam.

Ketika ini katanya, khidmat guru simpanan dibayar mengikut jam dan kelayakan.

Sementara itu, Noh berkata, kementerian mensasarkan mewujudkan 50,000 guru J-QAF (Jawi, al-Quran dan fardu Ain) untuk diisi pada lebih 8,000 sekolah rendah seluruh negara menjelang 2010.

Katanya, ketika ini ada 3,703 sekolah sudah mempunyai guru J-QAF dengan 10,964 guru sudah dilatih sejak diperkenalkan pada 2004.